

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

JTW201 – Matematik Perniagaan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM (6)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Senarai formula disediakan di muka surat 6.

Alat pengiraan elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk tujuan pengiraan.

Pastikan anda menulis angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

...2/-

SULIT

SOALAN 1 (20 markah)

- (a). Anda mempunyai RM1,500 untuk dilaburkan hari ini pada kadar 7% setahun secara pengkompaunan. Kira jumlah yang akan anda perolehi pada akhir tahun ke-6.
(4 markah)
- (b). Berapakah jumlah faedah yang bakal diterima sekiranya RM5,000 dilaburkan pada kadar 3% dikompaunkan setiap 3 bulan selama 3 tahun?
(4 markah)
- (c). Berapakah jumlah wang yang Puan Hasnita perlu simpan di bank yang membayar kadar faedah 8% setahun, dikompaun secara bulanan supaya pada akhir tahun ke-4, jumlah yang terkumpul menjadi RM40,000?
(6 markah)
- (d). Sebagai program simpanan pendidikan pengajian tinggi, ibu bapa Naufal memutuskan untuk mendeposit sebanyak RM100 pada setiap bulan ke dalam akaun bank beliau yang memberi kadar faedah 7% setahun. Jika program simpanan itu bermula apabila Naufal berumur 7 tahun, berapa banyak wang yang akan terkumpul apabila umurnya mencecah 18 tahun?
(6 markah)

SOALAN 2 (20 markah)

- (a). Nizam membuat pinjaman bank sebanyak RM110,000 dari bank untuk membiayai pembelian rumah. Bank mengenakan faedah pada kadar 5.5% setahun ke atas baki yang belum dibayar dengan pengiraan faedah dibuat pada akhir setiap bulan. Nizam telah bersetuju untuk membayar balik pinjaman secara ansuran bulanan yang sama dalam tempoh 25 tahun. Berapa jumlah bayaran yang harus dibuat setiap bulan jika pinjaman itu akan dilunaskan pada akhir tempoh 25 tahun?
(5 markah)

- (b). John membeli sebuah bot berharga RM17,000. Beliau membayar wang pendahuluan sebanyak RM2,500. Pinjaman bank adalah untuk 60 bulan. Jumlah caj kewangan ialah RM4,900. Kira ansuran bulanan John.

(3 markah)

- (c). Puan Faridah menerima satu nota janji untuk 60 hari pada 12 Januari 2017 dengan kadar faedah 4% setahun. Selepas 40 hari, beliau mendiskaun nota janji dengan kadar diskaun 2% dan menerima hasil sebanyak RM11,000. Kira,

(i). Tarikh matang (3 markah)

(ii). Nilai matang (3 markah)

(iii). Nilai muka (3 markah)

(iv). Kadar faedah yang diterima oleh Puan Faridah (3 markah)

SOALAN 3 (20 markah)

- (a). Terangkan secara ringkas **TIGA (3)** kaedah susut nilai yang sering digunakan oleh syarikat.

(9 markah)

- (b). Syarikat Mewah telah membeli sebuah lori dengan harga RM38,000. Jangka hayat lori tersebut adalah 5 tahun. Manakala nilai sisa ialah RM8,000. Dengan menggunakan kaedah garis lurus, kirakan,

(i). Susut nilai tahunan (3 markah)

(ii). Kadar susut nilai tahunan (3 markah)

(iii). Nilai buku lori tersebut pada akhir tahun ke-3 (3 markah)

(iv). Sediakan jadual susut nilai (2 markah)

...4/-

SOALAN 4 (20 markah)

- (a). Apakah perbezaan antara sistem inventori berkala dan sistem inventori perpetual?

(4 markah)

- (b). Terdapat **EMPAT (4)** kaedah yang biasa digunakan oleh syarikat untuk mengira inventori akhir dan kos barang jualan. Terangkan secara ringkas kaedah tersebut.

(12 markah)

- (c). Berdasarkan maklumat di bawah, kira pusing ganti inventori pada kos (*inventory turnover at cost*) dan terangkan jawapan anda.

Inventori awal pada kos = RM9,000
Inventori akhir pada kos = RM7,000
Jualan bersih = RM51,000
Kos barangan dijual = RM46,000

(4 markah)

SOALAN 5 (20 markah)

- (a). Diberi Jabatan A mempunyai jualan sebanyak RM200,000, Jabatan B dengan jualan sebanyak RM600,000 dan peruntukan perbelanjaan overhead sebanyak RM25,000. Kirakan pengagihan overhead untuk Jabatan A berdasarkan jualan.

(5 markah)

- (b). Penyata bank Syarikat Mewah menunjukkan imbangan RM12,000. Imbangan buku cek Syarikat Mewah pula menunjukkan baki akhir RM11,200. Deposit dalam transit berjumlah RM2,000 dan cek belum dikemukakan lagi berjumlah RM2,900. Terdapat caj perkhidmatan sebanyak RM100. Berapakah imbangan penyesuaian Syarikat Mewah?

(5 markah)

- (c). Jenny mendapat RM700 seminggu dan 6% ke atas jualan melebihi RM5,700. Jika Jenny menjual RM15,791 minggu lepas, berapakah pendapatan mingguan Jenny?

(5 markah)

...5/-

- (d). Syarikat Lee meminjam RM60,000. Syarikat itu merancang untuk menubuhkan satu dana terikat (*sinking fund*) yang akan membayar balik pinjaman pada akhir tahun ke-12. Andaikan kadar 8% dikompaun setiap tahun, kirakan dana yang perlu dimasukkan ke dalam dana terikat pada setiap tahun.

(5 markah)

...6/-

Formula

1. $FV_n = PV \times (1 + r)^n$

2. $PV = \frac{FV_n}{(1+r)^n}$

3. $FV_n = CF \times \left\{ \frac{[(1+r)^n - 1]}{r} \right\}$

4. $PV_n = \left(\frac{CF}{r} \right) \times \left[1 - \frac{1}{(1+r)^n} \right]$

5. $FV_n = CF \times \left\{ \frac{[(1+r)^n - 1]}{r} \right\} \times (1 + r)$

6. $PV_n = \left(\frac{CF}{r} \right) \times \left[1 - \frac{1}{(1+r)^n} \right] \times (1 + r)$

7. $FV_n = PV \times \left(1 + \frac{r}{m} \right)^{m \times n}$

8. $CF = FV_n \div \left\{ \frac{[(1+r)^n - 1]}{r} \right\}$

9. $R = \frac{Ai}{1 - \frac{1}{(1+i)^n}}$

10. $P = S(1 - dt)$

11. $S = P(1 + rt)$

12. $r = \frac{d}{1 - dt}$